

**MODUL INTENSIF UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
BAHASA MELAYU
MODUL 13**

[10 markah]

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pak Usop ternampak buaya _____ beliau sedang memancing ikan di sungai.
- A. lantas
 - B. ketika
 - C. supaya
 - D. manakala

[1 markah]

2. Hazami _____ terjatuh ke dalam longkang semasa bermain layang-layang.
- A. kuat-kuat
 - B. cepat-cepat
 - C. benar-benar
 - D. hampir-hampir

[1 markah]

Pilih ayat yang betul.

3. A. Aduhai, berani sungguh kamu mengejek aku!
B. Cis, cantik sungguh lukisan yang kamu hasilkan!
C. Aduh, pening kepalaku memikirkan masalah kalian!
D. Wah, sanggup kamu mempermain-mainkan perasaanku.

[1 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada malam itu, Chin Hwa dan adiknya berasa sungguh lapar. Selepas menonton televisyen, mereka ke dapur untuk mencari makanan. Chin Hwa makan biskut manakala adiknya makan bihun goreng. Chin Hwa melarang adiknya makan bihun itu kerana sudah basi namun tidak dihiraukan oleh adiknya.

Keesokan paginya, adik Chin Hwa sakit perut. Dia muntah-muntah dan cirit-birit. Ayah Chin Hwa segera membawanya ke klinik. Doktor Selvaram mengesahkan bahawa adik Chin Hwa mengalami keracunan makanan.

4. Siapakah yang mengalami keracunan makanan?
- A. Chin Hwa
 - B. adik Chin Hwa
 - C. ayah Chin Hwa
 - D. Doktor Selvaram

[1 markah]

5. Mengapakah Chin Hwa melarang adiknya makan bihun goreng itu?
- A. Bihun itu sudah basi.
 - B. Bihun itu tidak sedap.
 - C. Bihun itu sangat pedas.
 - D. Dia mahu makan bihun itu.

[1 markah]

6. Yang berikut ialah kesan yang dialami akibat keracunan makanan berdasarkan petikan *kecuali*.
- A. lapar
 - B. cirit-birit
 - C. sakit perut
 - D. muntah-muntah

[1 markah]

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



BAHAN 2

Pada suatu malam, Amar menonton televisyen seorang diri. Dia menonton sambil mengunyah gula-gula getah. Dia gemar akan gula-gula getah berperisa strawberi kerana rasanya manis dan enak. Apabila berasa mengantuk, dia pun masuk ke dalam bilik lalu tidur.

Perbuatan Amar itu telah ditegur oleh ibunya. Ibu Amar menyuruh anaknya itu menggosok gigi sebelum tidur. Tindakan itu penting untuk mengelakkan kerosakan gigi. Jika gigi rosak, Amar akan mendapat sakit gigi.

7. Ibu Amar menyuruh anaknya itu menggosok gigi sebelum tidur.

Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah...

- A. biji
- B. buah
- C. butir
- D. batang

[1 markah]

8. Mengapakah Amar ditegur oleh ibunya ?
- A. Dia menonton televisyen seorang diri.
 - B. Dia tidak menggosok gigi sebelum tidur.
 - C. Dia menonton televisyen pada waktu malam.
 - D. Dia gemar makan gula-gula getah berperisa strawberi.

[1 markah]

9. Perkataan *gemar* yang terdapat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan _____.

- A. suka
- B. biasa
- C. selalu
- D. pandai

[1 markah]

10. Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

- A. Amar sentiasa menjaga kebersihan giginya.
- B. Tabiat mengetap gigi tidak boleh menyebabkan gigi rosak.
- C. Amar dan adiknya menonton televisyen sambil makan gula-gula.
- D. Ibu Amar mengambil berat akan kebersihan dan kesihatan anaknya.

[1 markah]

Bahagian B
[10 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sebelum keluar bermain, adik Julia menyiapkan kerja sekolahnya. Dia membuat kerja tersebut di ruang tamu rumahnya. Ketika dia sedang tekun menulis sesuatu, Julia datang menghampiri adiknya itu. Dia melihat buku-buku di atas meja yang digunakan oleh adiknya. Rupa-rupanya, adik Julia meniru kerja sekolah yang dibuat oleh kawannya.

"Adik, jangan tiru kerja sekolah orang lain," kata Julia. Dia memberitahu adiknya bahawa perbuatan itu salah.

1. (a) Adik Julia sedang tekun menyiapkan _____.

[1 markah]

- (b) Apakah kesalahan yang dilakukan oleh adik Julia?

- A. meniru kerja sekolah orang lain
- B. menyiapkan kerja sekolah sebelum bermain
- C. membuat kerja sekolah di ruang tamu rumahnya
- D. menyiapkan kerja sekolah tanpa bantuan kakaknya

[2 markah]

(c) Bulatkan **kata arah** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Dia melihat buku-buku di atas meja yang digunakan oleh adiknya.

[1 markah]

(d) Pilih dan tulis **BETUL** bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

“Adik, jangan tiru kerja sekolah orang lain,” kata Julia.

Julia memarahi adiknya kerana meniru kerja sekolah orang lain.	
Julia melarang adiknya meniru kerja sekolah orang lain.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

2.

Kawan-kawan kamu datang berkunjung ke rumah kamu. Mereka begitu seronok bermain permainan video sehingga menjadikan suasana di rumah kamu sangat bising.

Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan suasana di sebuah bilik komputer.

*Tulis pendapat kamu tentang **kebaikan mempelajari komputer**.*

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

